

METODOLOGI AL-ASHĀ'IRAH DAN AL-SALAFIYYAH DALAM MEMBENTANGKAN AKIDAH AL-QADĀ' DAN AL-QADAR: TINJAUAN AWAL TERHADAP MARĀTIB AL-TAQDĪR

METHODOLOGY OF AL-ASHĀ'IRAH AND AL-SALAFIYYAH IN PRESENTING THE 'AQĪDAH OF AL-QADĀ' AND AL-QADAR: THE EARLY REVIEW ON MARĀTIB AL-TAQDĪR

Muhammad Hazim Mohd Azhar, Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman*

Department of `Aqidah & Islamic Thought. Academy of Islamic Studies. University of Malaya. 50603. Kuala Lumpur. Malaysia

Email: *smhilmi@um.edu.my

Khulasah

Kepercayaan terhadap *al-Qadā'* dan *al-Qadar* merupakan salah satu Rukun Iman yang wajib diiktikad oleh setiap umat Islam. Penyimpangan pegangan terhadapnya boleh menjerumuskan seseorang kepada jurang kefasikan dan kekufturan. Justeru, para ulama berusaha mengkaji, menyusun dan memformulasikan konsep *al-Qadā'* dan *al-Qadar* ini supaya dapat difahami oleh masyarakat. Dengan menggunakan metode komparatif, makalah ini membanding, memadu dan mengasimilasikan metodologi pembentangan dan pengisian akidah *al-Qadā'* dan *al-Qadar* menurut al-Ashā'irah dan al-Salafiyyah. Dalam karya-karya akidah al-Ashā'irah, komponen-komponen penting dalam *al-Qadā'* dan *al-Qadar* dapat ditinjau dalam dimensi *Ilāhiyyāt* melalui perbincangan sifat-sifat Allah dan *af'āl-Nya*. Perbahasananya lebih sarat dengan burhan-burhan akliah sebagai rumusan jawapan kepada syubhah pemikiran. Manakala menurut aliran al-Salafiyyah, perbahasan *al-Qadā'* dan *al-Qadar* dikonklusikan

melalui pengemukaan sub-topik *Marātib* atau *Arkān al-Taqdir* dengan menumpukan kepada pendalilan nas tanpa penekanan aspek tafsiran yang rinci.

Kata kunci: *al-Qadā'* dan *al-Qadar*; al-Ashā'irah; al-Salafiyyah; *Marātib al-Taqdir*.

Abstract

The belief in *al-Qadā'* and *al-Qadar* is one of the Pillars of Faith that is mandatory for every Muslim to recognize. Deviation of this belief may lead a person to the abyss of infidelity and disbelief. Hence, the scholars try to study, compile and formulate the concept of *al-Qadā'* and *al-Qadar* for society to better understand it. Utilizing comparative methods, this article compares, integrates and assimilates the methodology of presentation and affirmation the belief of *al-Qadā'* and *al-Qadar* according to al-Ashā'irah and al-Salafiyyah. In the works of al-Ashā'irah regarding faith, the essential components of *al-Qadā'* and *al-Qadar* can be viewed in the scopes of *Ilāhiyyāt* within the discussion of the attributes of Allah and His actions. The debate is more load up with proofs of reason as a formula for answers to doubt. According to al-Salafiyyah, *al-Qadā'* and *al-Qadar* debates are exemplified by the presentation of the *Marātib* sub-topic or *Arkān al-Taqdir* by focusing on the proof of the texts without emphasis on the detailed aspects of interpretation.

Keywords: *al-Qadā'* *al-Qadar*; al-Ashā'irah; al-Salafiyyah; *Marātib al-Taqdir*.

Pendahuluan

Keimanan merupakan aspek yang paling asas dan mendasar dalam agama Islam. Dari itu, pembinaan agama bermula daripada keyakinan keimanan yang kukuh tanpa dapat digoyah. Apabila punahnya asas keimanan maka akan roboh bangunan agama secara keseluruhan. Keimanan terbina di atas enam rukun iaitu beriman kepada Allah, Malaikat-Nya, Kitab-Nya, Rasul-Nya, hari Kiamat dan *al-*

Qaḍā' al-Qadar. Keenam-enam rukun iman ini saling berkait dan melengkapi, penafian kepada salah satu daripadanya akan membatalkan keseluruhan rukun tersebut.

Perbahasan terhadap *al-Qaḍā'* dan *al-Qadar* yang merupakan salah satu rukun iman telah mendapat perhatian dan sambutan oleh para ulama dan ahli fikir sehingga sejarah menyaksikan lahirnya pelbagai aliran bidaah dalam persoalan takdir ini. Harus diingatkan bahawa kefahaman yang salah terhadapnya boleh menjerumuskan seseorang kepada kefasikan dan jurang kekufuran. Sehubungan itu, para ulama telah menggalas tanggungjawab berusaha mengkaji, menyusun dan memformulasikan konsep *al-Qaḍā'* *al-Qadar* ini supaya dapat difahami oleh masyarakat.

Pengertian *al-Qaḍā'* dan *al-Qadar* dari Sudut Bahasa

Al-Qaḍā' merupakan kata terbitan (*maṣdar*) daripada perkataan *fi'l* (قضي). Menurut Ibn Fāris, perkataan (قضى) membawa maksud ‘menjadikannya kemas dan melaksanakannya’.¹ Jika diteliti di dalam ayat al-Qur'an, terdapat banyak perkataan yang berasal daripada perkataan (قضى) yang membawa makna yang pelbagai. Tetapi apabila ditinjau lebih terperinci setiap perkataan tersebut pasti tidak akan terlepas daripada makna yang dikemukakan oleh Ibn Fāris. Antara maksud daripada perkataan *qaḍā'* (قضى) yang diambil daripada al-Qur'an ialah:²

¹ Abū Ḥusayn Aḥmad Ibn Fāris, *Mu`jam Maqāyis al-Lughah*, tahqiq, `Abd al-Salām Ḥārūn (Kaherah: Muṣṭafā al-Bābi al-Ḥalabī, 1972), 5:99.

² Muḥammad Ibn Ibrāhīm al-Ḥamd, *al-Īmān bi al-Qaḍā' wa al-Qadar* (Riyadh: Dār Ibn Khuzaymah, 2007), 29. Lihat juga Muṣṭafā Sa'īd al-Khin dan Muhyī al-Dīn Dib Mastū, *al-'Aqidah al-Islāmiyah: Arkānuhā - Haqā'iquhā - Muṣfidātuhā* (Damsyiq: Dār al-Kalim al-Tayyib, 1999), 459 dan Muḥammad Hassan, *al-Īmān bi al-Qaḍā' wa al-Qadar* (Mesir: Maktabah Fayyad, 2007), 37.

- i. *Al-Wasiyyah* (الوصيّة) dan *al-'Amr* (الأمر) iaitu wasiat dan perintah.³
- ii. *Al-Ikhbār* (الإخبار) iaitu memberitahu atau menyatakan.⁴
- iii. *Al-Farāgh* (الفراغ) iaitu selesai.⁵
- iv. *Al-Fi'l* (الفعل) iaitu perbuatan atau perlakuan.⁶
- v. *Al-Wujūb* (الوجوب) dan *al-Ḥatm* (الحتم) yang bermaksud kewajipan dan menyempurnakan sesuatu perkara.⁷
- vi. *Al-Kitābah* (الكتابة) iaitu penulisan atau ketetapan.⁸
- vii. *Al-Itmām* (الإتمام) yang membawa maksud menyempurnakan.⁹
- viii. *Al-Faṣl* (الفصل) iaitu pemutusan atau keputusan.¹⁰
- ix. *Al-Khalq* (الخلق) iaitu penciptaan atau menjadikan.¹¹
- x. *Al-Qatl* (القتل) iaitu membunuh.¹²

Walaupun kesemua makna *al-qadā'* yang disenaraikan kelihatan berbeza namun, apabila diteliti lebih

³ Firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata." (al-Isra' 17: 23)

⁴ Firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan Kami menyatakan kepada Bani Israil dalam kitab itu." (al-Isra' 17:4)

⁵ Firman Allah SWT yang bermaksud: "Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan amalan ibadat haji kamu." (al-Baqarah 2: 200)

⁶ Firman Allah SWT yang bermaksud: "Oleh itu, lakukanlah apa sahaja yang Engkau hendak lakukan." (Taha 20:72)

⁷ Firman Allah SWT yang bermaksud: "Telah selesaiyah (dan tetaplah berlakunya) perkara yang kamu tanyakan itu." (Yusuf 12:41)

⁸ Firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan hal itu adalah satu perkara yang telah ditetapkan berlakunya." (Maryam 19:21)

⁹ Firman Allah SWT yang bermaksud: "Setelah Musa menyempurnakan tempoh kerjanya itu." (al-Qasas 28:29)

¹⁰ Firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan akan dihakimi di antara mereka dengan adil." (al-Zumar 39:69)

¹¹ Firman Allah SWT yang bermaksud: "Lalu Dia menjadikannya tujuh langit." (Fussilat 41:12)

¹² Firman Allah SWT yang bermaksud: "Musa pun menumbuknya lalu menyebabkan orang itu mati." (al-Qasas 28:15)

mendalam, ia dapat dikategorikan kepada dua. Pertamanya ialah penentuan sesuatu perkara iaitu *al-wasiyyah*, *al-'amr*, *al-ikhbār* dan *al-kitābah*. Keduanya pula ialah proses penyempurnaan sesuatu perkara iaitu *al-farāgh*, *al-fī'l*, *al-wujūb*, *al-hatm*, *al-itmām*, *al-faṣl* dan *al-khalq*. Setiap perkataan ini terkandung makna berada di posisi perlaksanaan atau di peringkat terakhir.

Perkataan *al-qadar* pula merupakan kata *maṣdar* daripada perkataan *fī'l* (فِي لِ).¹³ Menurut Ibn Fāris, perkataan قدر (qadr) membawa maksud 'menyampaikan kepada sesuatu', 'menjadikannya' dan 'pengakhirannya'.¹⁴ Sebagaimana kalimah *qadā'* di dalam al-Qur'an membawa banyak pengertian, begitu juga dengan kalimah *qadar*. Antaranya ialah:¹⁵

- i. *Al-Tadyiq* (التخصيق) iaitu proses menyempitkan.¹⁶
- ii. *Al-Ta'zīm* (التعظيم) iaitu penghormatan atau pemuliaan.¹⁷
- iii. *Al-Istīṭā'ah* (الإسطاعة) iaitu kemampuan dan *al-Tagħallub* (النغلب) iaitu penguasaan.¹⁸

¹³ Majd al-Dīn Abī al-Sa'ādat al-Mubārak Ibn Muḥammad al-Jazārī Ibn al-Athīr, *Nihāyah fī Gharīb al-Ḥadīth wa al-Athār* (Beirūt: Dār al-Ma'rifah, 2006), 4:22.

¹⁴ Ibn Fāris, *Mu'jam Maqāyis al-Lughah*, 5:62; lihat juga, Ibn al-Athīr, *Nihāyah fī Gharīb al-Ḥadīth wa al-Athār*, 4:23.

¹⁵ Muḥammad Ibn Ibrāhīm al-Hamd, *al-Imān bi al-Qadā' wa al-Qadar*, 32.

¹⁶ Firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan sebaliknya apabila ia diuji oleh Tuhanaya dengan disempitkan rezekinya, (ia tidak bersabar bahkan ia resah gelisah). (al-Fajr 89:16)

¹⁷ Firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan tiadalah mereka (kaum Yahudi) menghormati Allah sesuai dengan penghormatan yang sebenarnya." (al-An'am 6:91)

¹⁸ Firman Allah SWT yang bermaksud: "Kecuali orang-orang yang bertaubat sebelum kamu dapat menangkapnya, (mereka terlepas dari hukuman itu). Maka ketahuilah bahwasanya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (al-Maidah 5:34)

- iv. *Al-Tadbīr* (التدبير) iaitu mentadbir.¹⁹
- v. *Tahdīd al-Miqdār* (تحديد المقدار أو الزمان أو المكان) iaitu penentuan akan sesuatu sama ada masa atau tempat.²⁰
- vi. *Al-Irādah* (الإرادة) iaitu penetapan mengikut kehendak.²¹
- vii. *Al-Qaḍā'* (القضاء) dan *al-Iḥkām* (الإحکام) menentukan sesuatu hukum.²²
- viii. *Al-Ṣana' bi Maqādir Mu'aayanah* (الصنع بمقادير معينة) iaitu melakukan mengikut kadar atau sukanan yang tertentu.²³

Sebagaimana kandungan makna pada kalimah *al-qadā'*, kandungan makna bagi kalimah *al-qadar* juga dapat dibahagikan kepada dua. Pertamanya membawa maksud proses penentuan iaitu *al-istiṭā'ah*, *al-tagħallub*, *al-tadbīr*, *tahdīd al-miqdār*, *al-irādah*, *al-qaḍā'* dan *al-iḥkām*. Keduanya pula membawa maksud pelaksanaan iaitu *al-taḍyīq*, *al-ta'żīm*, *al-ṣana' bi maqādir mu'aayanah*. Berdasarkan penilaian terhadap dua kalimah *al-qadā'* dan *al-qadar* dari sudut bahasa, terdapat satu ikatan yang sangat

¹⁹ Firman Allah SWT yang bermaksud: "Serta Kami tentukan (keadaannya), maka Kamilah sebaik-baik yang berkuasa menentukan dan melakukan (tiap-tiap sesuatu) (mentadbir)." (al-Mursalāt 77:23)

²⁰ Firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan ia menentukan ada padanya bahan-bahan keperluan hidup penduduknya." (al-Fuṣṣilāt 41:10)

²¹ Firman Allah SWT yang bermaksud: "Lalu bertemulah air (langit dan bumi) itu untuk (melakukan) satu perkara yang telah ditetapkan." (al-Qamar 54:12)

²² Firman Allah SWT yang bermaksud: "Kamilah yang menentukan (dan menetapkan masa) kematian (tiap-tiap seorang) di antara kamu, dan Kami tidak sekali-kali dapat dikalahkan atau dilemahkan." (al-Waqi'ah 56:60)

²³ Firman Allah SWT yang bermaksud: "(Keadaannya laksana) kaca, (sedang ia) dari perak, pelayan-pelayan itu menentukan kadar isinya sekadar yang cukup betul dengan kehendak penggunanya. (al-Insan 76:16)

kuat antara keduanya sehingga memberi sedikit kesan kepada perbahasan pengertiannya dari sudut istilah.

Pengertian *al-Qadā'* dan *al-Qadar* Dari Sudut Istilah

Dalam memahami *al-Qadā'* dan *al-Qadar* dari sudut istilah, terdapat dua pandangan berkenaan definisi pada kedua-dua istilah tersebut.²⁴ Menurut al-Bayjūrī, pandangan pertama ini dipelopori oleh ulama al-Ashā'irah yang mengatakan bahawa *al-Qadā'* mendahului *al-Qadar*.²⁵ Perkara ini boleh dilihat daripada pandangan Ibn Hajar yang mengatakan *al-Qadā'* ialah hukum ketentuan keseluruhan yang bersifat *ijmālī* pada azali, manakala *al-Qadar* ialah perkara *juz'ī* dan perincian daripada hukum ketentuan tersebut.²⁶

Bagi al-Jurjānī pula, *al-Qadā'* ialah satu ibarat kepada hukum keseluruhan Tuhan pada kesemua perkara yang wujud seperti mana keadaannya pada azali sehingga abadi.²⁷ *Al-Qadar* pula ialah mengeluarkan perkara *mungkin* daripada tiada kepada ada satu persatu bertepatan dengan penetapan *al-Qadā'*. Jadi, *al-Qadā'* itu berlaku pada azali, manakala *al-Qadar* berlaku bersentiasaan. Perbezaan antara keduanya ialah *al-Qadā'* merupakan proses mewujudkan keseluruhan *mawjūdāt* di *Lūh Maḥfūz* secara keseluruhan manakala *al-Qadar* ialah proses mewujudkan

²⁴ Burhān al-Dīn Ibrāhīm al-Bayjūrī, *Tuhfah al-Murīd Ḥāshiyah al-Bayjūrī 'alā Jawharah al-Tawḥīd* (Kaherah: Dār al-Salām, 2015), 189. Lihat juga `Abd al-Rahmān Ḥasan Ḥabannakah al-Maydānī, *al-'Aqīdah al-Islāmiyyah wa Usūluhā* (Beirut: Dār al-Qalam, 1979), 729-730 dan `Umar Sulaymān al-Ashqar, *al-Qadā' wa al-Qadar* (Jordan: Dār al-Nafā'is, 2007), 24.

²⁵ Al-Bayjūrī, *Tuhfah al-Murīd*, 188-189.

²⁶ Ibn Hajar al-'Asqalānī, "Kitab al-Qadr", *Fath al-Bārī fī Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), 11:582.

²⁷ `Alī bin Muḥammad al-Jurjānī, *Kitāb al-Ta'rīfāt* (Singapura: al-Haramayn, 1980), 177.

secara berasingan di alam ini selepas lengkap syarat-syaratnya.²⁸

Oleh itu, dapat disimpulkan daripada pandangan-pandangan ini bahawa *al-Qadā'* ialah ilmu yang terdahulu yang Allah menghukum sesuatu dengannya pada azali. *Al-Qadar* pula ialah pelaksanaan perkara yang telah ditetapkan ke atas makhluk.

Pandangan kedua pula dipelopori oleh ulama al-Māturīdiyyah yang berbeza dengan pandangan pertama. Al-Bayjūri menukilkan pandangan ulama al-Māturīdiyyah yang berpegang bahawa *al-Qadar* merupakan penetapan Allah sejak azali terhadap semua makhluk dengan had yang diwujudkan ke atasnya sama ada baik atau buruk, bermanfaat atau memudarabatkan dan sebagainya.²⁹ Ibn Baṭṭal menyebut *al-Qadā'* merupakan *al-Maqdī* (المقصي) iaitu sesuatu yang dilaksanakan.³⁰ Al-Khaṭṭābī membentangkan hujah dari sudut bahasa bahawa kalimah *al-Qadar* merupakan kata nama bagi (*muqaddar*) iaitu hasil daripada perbuatan oleh *al-Qādir*.³¹

Bagi al-Asfahānī pula, *al-Qadā'* daripada Allah adalah lebih khusus daripada *al-Qadar* kerana *al-Qadā'* merupakan pecahan daripada *al-Qadar*. *Al-Qadar* merupakan takdir, *al-Qadā'* pula pecahan dan potongan.³² Beliau turut menukilkan kata-kata sebahagian ulama menyebut bahawa *al-Qadar* itu berada pada kedudukan membilang ukuran, *al-Qadā'* pula pada kedudukan

²⁸ Al-Jurjānī, *Kitāb al-Ta‘rifāt*, 174. Lihat juga Muṣṭafā Sa‘īd dan Muḥyī al-Dīn Dib, *al-‘Aqīdah al-Islāmiyyah*, 459-460.

²⁹ Al-Bayjūri, *Tuhfah al-Murīd*, 188-189.

³⁰ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, “Kitab al-Qadr”, *Fath al-Bārī*, 11: 582.

³¹ Abū Sulaymān Ḥamad bin Muḥammad al-Khaṭṭābī, *Ma‘ālim al-Sunan Sharḥ Sunan Abī Dāwūd*. (Kaherah: Maṭba‘ah al-Sunnah al-Muhammadiyyah, 1950), 7:70.

³² Abū al-Qāsim al-Ḥusayn bin Muḥammad al-Asfahānī, *al-Mufradāt fī Ghariib al-Qur’ān* (Beirūt: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabi, 2002), 423 dan 406.

ukuran.³³ Kesimpulannya, pandangan kedua ini berlawanan dengan pandangan yang pertama iaitu *al-Qadar* sebagai hukum terdahulu sejak azali dan *al-Qadā'* pula ialah pelaksanaan kepada hukum tersebut.

Jika diteliti pada pandangan pertama, *al-Qadā'* merupakan sifat-sifat zat, *al-Qadar* pula memberi faham bahawa ia satu ibarat daripada 'menjadikan' merupakan *af'āl ḥisab*. Ini menjadikan *al-Qadā'* itu bersifat dengan qadim dan *al-Qadar* bersifat dengan hadith. Pada pandangan kedua pula, *al-Qadā'* adalah *af'āl ḥisab*, *al-Qadar* pula disandarkan kepada sifat-sifat zat menjadikan *al-Qadā'* sebagai hadith dan *al-Qadar* sebagai qadim.³⁴

Berkenaan perbezaan kedua pandangan ini, Muhammad Hassan menyatakan tiada pendapat yang rajih kerana tiada dalil yang sahih daripada Nabi SAW.³⁵ Ahmad Farīd al-Mazīdī pula menyatakan perbezaan tersebut hanyalah dari sudut perbezaan lafadz sahaja.³⁶ Namun yang pasti, *al-Qadā'* dan *al-Qadar* merupakan dua perkara yang berlaziman dan tidak boleh dipisahkan antara keduanya kerana masing-masing menekankan dua elemen penting yang saling berkait dan perlu wujud dalam membina kefahaman terhadap konsep takdir iaitu pertamanya ilmu Allah yang azali lagi menyeluruh tertulis di *Lūh Mahfūz*. Keduanya ialah penciptaan makhluk berdasarkan ketetapan seperti mana berdasarkan ilmu-Nya.

Perkara ini turut disokong oleh al-Jurjānī yang mendefinisikan takdir adalah suatu ketentuan terhadap semua makhluk yang kemudian Allah melaksanakan

³³ Al-Asfahānī, *al-Mufradāt*, 424.

³⁴ Al-Bayjūrī, *Tuhfah al-Murid*, 189.

³⁵ Muhammad Hassan, *al-Imān bi al-Qadā' wa al-Qadar*, 42.

³⁶ Lihat nota kaki *tahqīq* oleh Ahmad Farīd al-Mazīdī dalam 'Abd al-Wahhāb bin Ahmad al-Sha'rānī, *'Aqīdah al-Imām al-Sha'rānī min Khilāl Ba'd Mu'allafātih* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2010), 239.

dengannya sama ada baik, buruk atau selainnya.³⁷ Al-Safārīnī pula mendefinisikan takdir sebagai sesuatu yang didahului dengan ilmu, yang ditulis oleh *Qalam* seperti mana keadaan sesuatu sehingga abadi melalui segala ketentuan Allah kepada setiap makhluk-Nya. Allah mengetahuinya dari azali lagi sehingga ia akan diadakan pada sesuatu masa yang diketahui seperti mana apa yang telah ditetapkan-Nya.³⁸

Bagi 'Abd al-Karīm Zaydān secara ringkas, untuk mencapai kesempurnaan keimanan terhadap *al-Qaḍā'* dan *al-Qadar* sepetimana yang diperintahkan dalam al-Qur'an dan hadith, seseorang perlu beriman bahawa Allah mempunyai pengetahuan akan segala makhluk-Nya sejak dari azali lagi dan Dialah yang menentukan. Juga beriman bahawa Allah menciptakan berdasarkan apa yang Dia kehendaki tersebut.³⁹

Takdir ialah ilmu dan ketetapan Allah terhadap semua perkara semenjak azali lagi mengikut sifat-sifat tertentu pada masa-masa yang telah ditetapkan kemudian diiringi dengan *kitābah* dan *mashi'ah* seterusnya merealisasikannya.⁴⁰ Takdir juga difahami sebagai ketentuan Allah kepada sekalian makhluk bertepatan dengan ilmu-Nya yang terdahulu, kemudian dilaksanakan ketentuan tersebut.⁴¹ Kalimah takdir juga membawa

³⁷ Al-Jurjānī, *Kitāb al-Ta'rīfāt*, 64.

³⁸ Muḥammad bin Aḥmad al-Safārīnī, *Lawāmi' al-Anwār al-Bahiyyah* (Beirūt: al-Maktab al-Islāmī, 1984), 1:348.

³⁹ 'Abd al-Karīm Zaydān, *al-Īmān bi al-Qaḍā' wa al-Qadar wa Athāruhu fī Sulūk al-Insān*, terj. Sidang Penterjemah Pustaka Salam, *Qada'* & *Qadar* Kesannya Terhadap Perilaku Manusia (Kuala Lumpur: Pustaka salam, 2003), 21.

⁴⁰ 'Abd al-Rahmān Ṣāliḥ Maḥmūd, *al-Qaḍā' wa al-Qadar fī Ḏaw'i al-Kitāb wa al-Sunnah* (Kuwait: Dār al-Watan, 1997), 39.

⁴¹ Muḥammad bin 'Uthaymin, *Rasā'il fī al-'Aqīdah* (Riyadh: Dār Tayyibah, 1985), 37. Definisi ini hampir sama dengan apa yang diutarakan oleh 'Abd al-Rahmān Ḥasan Ḥabannakah, *al-'Aqīdah al-Islāmiyyah wa Uṣūlūhā*, 730.

maksud membuatkan sesuatu itu bertepatan mengikut kadar tertentu. Penentuan sesuatu setelah dijadikannya adalah merupakan penentuan bentuk, gerakan serta sifat lain-lain.⁴²

Ringkasnya, dapat dikonsepsikan *al-Qadā'* dan *al-Qadar* semestilah merangkumi tiga komponen asas dan utama iaitu ilmu, kehendak (*Irādah*) dan kekuasaan (*Qudrah*) Allah terhadap segala sesuatu. Dari ini, dapat disimpulkan bahawa takdir merupakan penciptaan atau pelaksaan Allah berdasarkan ketentuan-Nya terhadap sesuatu dengan kapasiti tertentu bersesuaian dengan ilmu-Nya.

Perbahasan *Marātib al-Qadā'* dan *al-Qadar*

Dalam usaha membentangkan konsep *al-Qadā'* dan *al-Qadar*, aliran al-Salafiyah menyusun empat *Marātib* atau *Arkān*⁴³ yang saling berkait dan melengkapi iaitu bermula dengan *al-'Ilm*, *al-Kitābah*, *al-Mashī'ah* dan seterusnya *al-Khalq*.⁴⁴ Menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam *Shifā'*

⁴² Muḥammad al-Mubarak, *Aqidah Islam di dalam al-Quran*, terj. Mudaser bin Rosder (Pustaka Fajar, Kuala Lumpur, 1988), 38-40.

⁴³ *Marātib* atau martabat bermaksud peringkat. Dalam perbahasan *al-Qadā'* dan *al-Qadar*, terdapat perbincangan peringkat penetapan dan pelaksanaan takdir Allah yang menjadi teras dan pintu masuk kepada pembinaan pemahaman terhadap takdir Allah. Oleh itu, terdapat beberapa orang penulis seperti 'Umar Sulaymān al-Ashqar yang menggunakan istilah *arkān* iaitu rukun-rukun kerana ia membawa ibarat kewajipan mempercayainya iaitu dengan maksud penolakan kepada salah satu daripadanya membatalkan keseluruhannya. Lihat 'Umar Sulaymān al-Ashqar, *al-Qadā' wa al-Qadar*, 26.

⁴⁴ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Shifā'* al-'Alīl fī Masā'il al-Qadā' wa al-Qadar wa al-Hikmah wa al-Ta'līl (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1978), 29. Muḥammad bin Ṣāliḥ al-'Uthaymīn, *Sharāḥ Lum'ah al-'Itiqād al-Hādi ilā Sabīl al-Rashād li Ibn Qudāmah al-Maqdisī* (Riyadh: Maktabah Dār Tabariyyah, 1995), 92. Penyusunan begini sedikit berbeza dengan susunan menurut pandangan Yūsuf al-Qarādāwī yang menyatakan tingkatan takdir bermula dengan *'Ilm*, *al-Mashī'ah*, *al-Khalq* dan kemudiannya barulah *al-Kitābah*. Lihat, Yūsuf al-

al-'Alīl, sesiapa yang tidak beriman dengan keempat-empat peringkat ini, maka ia belum lagi beriman dengan *al-Qadā'* dan *al-Qadar*.

Menurut beliau, keempat-empat rukun ini disepakati oleh sekalian para rasul dari awal sehingga yang terakhir dan sekalian para sahabat serta seluruh umat Islam yang mengikuti jejak mereka.⁴⁵ Mengimani keempat-empat rukun takdir ini merupakan syarat kesempurnaan iman seseorang terhadap *al-Qadā'* dan *al-Qadar* Allah dengan maksud jika seseorang terkurang walaupun satu daripada empat rukun ini, maka rosaklah imannya terhadap *al-Qadā'* dan *al-Qadar*.⁴⁶ Para ulama telah menyusun empat rukun ini di dalam syair:⁴⁷

عِلْمٌ كِتَابَةُ مَوْلَانَا مُشَيْقَهٌ وَخَلْفُهُ وَهُوَ إِيجَادٌ وَتَكْوِينٌ

Berdasarkan syair di atas, keempat-empat rukun ini ialah *al-'Ilm*, *al-Kitābah*, *al-Mashi'ah* dan *al-Khalq* seharusnya difahami bagi setiap umat Islam. Dalam tradisi al-Ashā'irah, perbahasan *Marātib al-Qadā'* dan *al-Qadar* ini tidak dibincangkan secara langsung. Namun ia dapat ditelusuri dalam perbincangan terperinci sifat-sifat Allah yang terkait dengan permasalahan *al-Qadā'* dan *al-Qadar* iaitu sifat *al-'Ilm*, *Irādah* dan *al-Qudrah* serta perbincangan mengenai konsep *Af'āl Allah*. Oleh itu, beriman kepada *al-Qadā'* dan *al-Qadar* adalah kepercayaan kepada ilmu Allah

Qaraḍawī, *al-Īmān bi al-Qadar* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 2000), 5-6.

⁴⁵ Ibn Qayyim, *Shifā' al-'Alīl*, 29.

⁴⁶ 'Umar Sulaymān al-Ashqar, *al-Qadā' wa al-Qadar*, 26. Lihat juga Muḥammad Ibn Ibrāhīm al-Ḥamd, *al-Imān bi al-Qadā' wa al-Qadar*, 65.

⁴⁷ Muḥammad Ibn Ibrāhīm al-Ḥamd, *al-Imān bi al-Qadā' wa al-Qadar*, 65.

yang *qadīm*, percaya kepada kehendak-Nya yang pasti terjadi dan kekuasaan-Nya yang meliputi.⁴⁸

Pada kebiasaannya, karya-karya akidah menyusun tiga sifat Allah ini dengan mengikut turutan bermula *Qudrah*, *Irādah* dan kemudiannya adalah *'Ilmu*. Susunan ini adalah bagi meraikan perbahasan sifat sebelumnya iaitu *Wahdāniyyah* yang bertujuan memberi kefahaman bahawa keesaan Allah bukan hanya pada zat sahaja, tetapi turut pada sifat-sifat *Ma 'āni*-Nya. Sifat *Qudrah* merupakan sifat yang paling dilihat memberi kesan kepada makhluk dan kemudiannya disusuli dengan sifat *Irādah*. Susunan ini juga bertujuan meraikan pendalilan pensabitan setiap sifat tersebut pada Allah.⁴⁹

Ini berbeza dengan apa yang diutarakan oleh al-Būṭī di dalam karyanya yang bertajuk *Kubrā al-Yaqīniyyāt* yang menyusun tiga sifat Allah ini dengan mengikut turutan bermula dari *Ilm*, *Irādah* dan seterusnya *Qudrah*.⁵⁰ Pada hemat penulis, penyusunan begini adalah bagi mengaitkan

⁴⁸ 'Abd al-Rahman Ḥasan Ḥabannakah, *al-'Aqīdah al-Islāmiyyah wa Uṣūlūhā*, 734. Lihat juga Abdul Hadi Awang, *Beriman kepada Qada' dan Qadar* (Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 2001), 6.

⁴⁹ Misalnya dalil sifat *Qudrah* ialah jika lau Allah bersifat dengan lawannya iaitu lemah pasti tidak akan wujud ciptaan-Nya dan perkara ini adalah mustahil. Dalil sifat *Irādah* pada Allah pula ialah jika lau Allah tiada *Irādah*, pasti Dia dipaksai yang menunjukkan kelemahan pada diri-Nya dan ini juga merupakan perkara mustahil. Dalil sifat *Ilm* Allah pula ialah jika lau Allah tidak bersifat dengan *Ilm*, pasti Dia tidak memiliki *Irādah*. Oleh itu, dapat dikatakan sebelum memahami pendalilan pengisbatan sifat *'Ilmu* pada Allah, perlulah meengetahui pendalilan pengisbatan sifat *Irādah* Allah dahulu, dan sebelumnya lagi iaitu dalil sifat *Qudrat*.

⁵⁰ Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī, *Kubrā al-Yaqīniyyāt al-Kawnīyyah: Wujūd al-Khāliq wa Waṣīlah al-Makhlūq* (Beirut: Dār al-Fikr, 1997), 120-122. Manakala Wan Ismail dalam *Bākūrah al-Amāni* pula menyusun tiga sifat ini bermula dengan *'Ilm*, *Qudrah* dan *Irādah*. Lihat Wan Ismā'īl bin Wan 'Abd al-Qadir al-Faṭāñī, *Tabṣīrah al-Adāni bi Alḥān Bākūrah al-Amāni* (Fatani: Maṭba'ah Faṭāñī Press, 1382H).

tiga sifat *Ma'āni* ini dengan perbahasan *al-Qadā'* dan *al-Qadar* Allah.

Misalnya jika dinilai mengikut susunan kelogikan akal, setiap perbuatan adalah lahir daripada kehendak. Sesuatu kehendak pula tidak akan wujud jika tiada ilmu berkenaan. Namun harus ditekankan di sini ialah susunan tersebut hanyalah pada penulisan dan sebutan sahaja, bukan pada hakikat di zat Allah. Penyusunan sifat Allah hanyalah bagi memudahkan umat Islam dalam mempelajari dan memahami ilmu berkenaan ketuhanan.

Ringkasnya, penghuraian al-Salafiyyah tertumpu kepada pembentangan pendalilan nas tanpa menekankan tafsiran secara rinci. Bagi al-Ashā'irah pula, perbahasannya lebih sarat dengan burhan-burhan akliyah sebagai rumusan jawapan kepada syubhah pemikiran. Dengan mengambil kira kepentingan pendalilan dan pencarian titik temu antara keduanya, makalah ini membanding, memadu dan mengasimilasikan metodologi penghuraian *Mārāṭib al-Qadā'* dan *al-Qadar* kedua-dua aliran ini.

Al-Martabah al-Ūlā: Al-'Ilm

Peringkat pertama daripada empat peringkat takdir ialah *al-'Ilm* iaitu beriman dengan ilmu Allah yang bersifat menyeluruh. Menurut al-Ash'arī, Allah mengetahui melalui sifat *al-'Ilm* yang berdiri pada zat-Nya.⁵¹ Kelakuan *ta'alluq* sifat Ilmu Allah adalah *inkishāf* (ketersingkapan) iaitu nyata, terang dan langsung bagi-Nya mengetahui sekalian perkara wajib, mustahil dan harus pada timbangan hukum akal.

Oleh kerana itu, sifat *'Ilm* Allah didefinisikan sebagai sifat azali yang berhubungan dengan keseluruhan perkara *wājibāt*, *jā'izāt* dan *mustahilāt* di atas wajah pengetahuan.⁵²

⁵¹ Abū al-Hasan 'Alī bin Ismā'īl al-Ash'arī, *Kitāb al-Luma' fī al-Radd 'alā Ahl al-Ziyagh wa al-Bida'* (Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, t.t.), 32.

⁵² Al-Bayjūrī, *Tuhfah al-Murīd*, 126.

Pengetahuan Allah bukan hanya sekadar pada perkara yang *mawjūdāt* sahaja, malah ia turut meliputi perkara *ma'dūmāt, mumkināt* dan *mustahilāt*. Tiada suatu pun yang luput daripada pengetahuan-Nya.⁵³

Menyentuh berkenaan perbahasan bahagian *ta'alluq*, sifat *'Ilm* bagi Allah mempunyai satu *ta'alluq* iaitu *ta'alluq tānjīzī qadīm* yang bermaksud patut dan padan Allah mengetahui segalanya secara qadim. Allah mengetahui segala sesuatu hanya dengan sifat *'Ilm*-Nya tanpa melalui alat atau perantaraan. Pengetahuan Allah juga tidak mempunyai tingkatan-tingkatan tertentu serta tidak didahului oleh kejahanan. Ilmu Allah adalah secara langsung bersifat qadim dengan maksud mustahil pengetahuan Allah didahului dengan kejahanan atau Allah tidak pernah tidak tahu, suatu masa lalu, sekarang atau masa yang akan datang. Ilmu Allah tidak dibatasi oleh waktu dan tempat.⁵⁴

Hal ini berbeza dengan pengetahuan manusia yang mengetahui sesuatu melalui alat perantaraan seperti rasional akal dan cerapan pancaindera yang lima serta mempunyai tingkatan seperti *waham, shakk, zan* dan sebagainya. Ilmu manusia juga pastinya didahului dengan kejahanan iaitu ketiadaan ilmu kerana manusia merupakan perkara mumkin yang baharu. Maka ilmu bagi manusia itu juga merupakan suatu yang mendatang.

Pengetahuan Allah meliputi segala makhluknya sebelum makhluk itu sendiri diciptakan merangkumi rezeki, mati, ucapan, perbuatan, mahu pun segala gerak dan

⁵³ Al-Marighnī, *Tāli‘ al-Buṣhrā ‘alā al-‘Aqīdah al-Šughrā* (Kuwait: Dār al-Diyā’, 2012), 84. Lihat juga, al-Būṭī, *Kubrā al-Yaqīniyyāt*, 131; ‘Abd al-Rahmān Ḥasan Ḥabannakah, *al-‘Aqīdah al-Islāmiyyah wa Uṣūṣuhā*, 746; al-Bayjūrī, *Tuhfah al-Murīd*, 126; Muḥammad Ḥasan, *al-Imān bi al-Qaḍā’ wa al-Qadar*, 49; ‘Umar Sulaymān al-Ashqar, *al-Qaḍā’ wa al-Qadar*, 27; Muḥammad Ibnu Ibrāhīm al-Hamd, *al-Imān bi al-Qaḍā’ wa al-Qadar*, 66.

⁵⁴ Al-Bayjūrī, *Tuhfah al-Murīd*, 126.

diam mereka, juga siapakah ahli syurga dan ahli neraka.⁵⁵ Allah mengetahui apa yang telah berlaku, apa yang sedang berlaku dan keadaan berlakunya apa yang belum berlaku yang seandainya ia berlaku.⁵⁶ Tiada suatu pun yang tersembunyi daripada pengetahuan Allah sama ada yang berada di langit dan di bumi. Tidaklah Allah mengetahui sesuatu bukit yang terzahir di atas bumi melainkan segala isinya. Tidaklah Allah mengetahui sesuatu lautan yang terbentang luas permukaannya melainkan sehingga dasarnya. Setiap dedaunan yang gugur menyembah bumi pasti tidak lepas daripada pengetahuan Allah.⁵⁷

Rukun yang pertama ini iaitu ilmu Allah menyeluruh kepada semua perkara telah disepakati oleh sebahagian besar umat Islam.⁵⁸ Walaupun begitu, sebahagian golongan al-Qadariyyah yang dianggap sebagai kelompok Majusi bagi umat Islam menolak rukun takdir yang pertama ini.⁵⁹ Sedangkan terlalu banyak dalil daripada al-Qur'an dan hadith yang secara terang menyebut akan hal ini. Misalnya:

أَفْرَغْيْتَ مِنْ أَنْجَدَ إِلَهٌ هَوَّلَهُ وَأَضْلَلَهُ اللَّهُ عَلَىٰ عِلْمٍ

Terjemahan: Dengan yang demikian, bagaimana fikiranmu (wahai Muhammad) terhadap orang yang menjadikan hawa nafsunya Tuhan yang dipatuhiinya, dan ia pula

⁵⁵ Umar Sulaymān al-Ashqar, *al-Qadā' wa al-Qadar*, 26. Lihat juga Muḥammad Ibnu Ibrāhīm al-Ḥamd, *al-Imān bi al-Qadā' wa al-Qadar*, 66. Al-Būṭī menyatakan bahawa Allah semestinya mengetahui pelbagai perbuatan yang akan dilakukan oleh hamba-Nya. Pengetahuan Allah berhubungan dengan perbuatan yang lahir daripada hamab sama ada atas jalan keterpaksaan atau pilihan. Lihat al-Būṭī, *Kubrā al-Yaqīniyyāt*, 160.

⁵⁶ Umar Sulaymān al-Ashqar, *al-Qadā' wa al-Qadar*, 26; Muḥammad Ibnu Ibrāhīm al-Ḥamd, *al-Imān bi al-Qadā' wa al-Qadar*, 65.

⁵⁷ Muḥammad Hasan, *al-Imān bi al-Qadā' wa al-Qadar*, 49; 'Umar Sulaymān al-Ashqar, *al-Qadā' wa al-Qadar*, 27.

⁵⁸ Ibn Qayyim, *Shifā' al-'Alīl*, 29; al-Qaraḍawī, *al-Imān bi al-Qadar*, 5.

⁵⁹ Ibn Qayyim, *Shifā' al-'Alīl*, 29.

disesatkan oleh Allah kerana diketahuiNya
(bahawa ia tetap kufur ingkar).

Al-Jāthiah 5:23

Berkenaan ayat ini, terdapat banyak tafsiran mengenai ‘ilm (علم). Ibnu ‘Abbās misalnya mentafsirkan pengetahuan terhadap sesuatu sebelum melaksanakannya. Sebahagian yang lain mentafsirkannya sebagai kehendak sesuatu yang diawali pada *Umm al-Kitāb*.⁶⁰ Firman Allah lagi:

وَلَوْ رُدُوا لَعَادُوا لِمَا تُهُوا عَنْهُ وَإِنَّمَّا لَكَذِبُونَ

Terjemahan: Dan kalau mereka dikembalikan ke dunia sekalipun, tentulah mereka akan mengulangi lagi apa yang mereka dilarang dari melakukannya; dan sesungguhnya mereka adalah tetap pendusta.

Al-An ‘am 6:28

Berdasarkan ayat ini, Allah sudah mengetahui bahawa pendusta-pendusta di hari kiamat yang mengharapkan kepulangan semula ke dunia untuk melakukan amal kebaikan akan tetap berada dalam kesesatan. Ini membuktikan bahawa Allah juga mengetahui keadaan berlakunya apa yang belum berlaku seandainya ia berlaku.⁶¹

⁶⁰ *Ibid.*, 30.

⁶¹ Umar Sulaymān al-Ashqar, *al-Qaḍā’ wa al-Qadar*, 27. Begitu juga dengan persoalan kanak-kanak yang mati ketika masih kecil apakah mereka akan beriman atau tidak ketika mereka dewasa kelak. Apabila Rasulullah ditanya mengenai anak-anak kaum musyrikin yang mati ketika kecil (sama ada akan dimasukkan ke dalam syurga atau neraka), maka baginda menjawab: “Allah lebih memahami apa yang mereka kerjakan.” Lihat al-Bukhārī, Kitāb al-Qadr, Bāb Allah A`lam bi mā kānū `Āmilin, no. Hadīth 6597, *Sahīḥ al-Bukhārī*, 552. Lihat juga riwayat Muslim dengan lafaz Abū Hurayrah, Kitāb al-Qadr, Bāb Kullu Mawlūd Yūlad `alā al-Fiṭrah, no. Hadīth 2659, *Sahīḥ Muslim*, 1141. Ibnu Ḥajar dalam mensyarakhan hadith ini menukarkan kata Ibnu Qutaybah dengan katanya kalau mereka dikekalkan, mereka tidak dihukumkan sesuatu pun ke atas mereka. Sebahagian yang lain

Tidak cukup dengan dalil daripada nas al-Qur'an dan hadith, sebahagian ulama mengemukakan dalil yang berbentuk akliah berkenaan ilmu Allah yang bersifat menyeluruh.⁶² Kewujudan makhluk ini merupakan bukti jelas yang menunjukkan Allah itu mengetahui sebelum Dia menciptakan sesuatu. Amat mustahil Allah menciptakan makhluk dalam keadaan diri-Nya sendiri jahil. Proses penciptaan sesuatu mestilah melalui *Irādah* dan tidak dapat dinafikan *Irādah* pula sentiasa melazimi ilmu. Oleh itu, penciptaan akan sentiasa melazimi ilmu.⁶³ Dalil akliah ini sudah cukup kuat membuktikan pensabitan sifat *'Ilm* pada Allah.

Terdapat juga pandangan yang mengkiaskan dengan makhluk yang mempunyai ilmu dan sifat ilmu itu sendiri menunjukkan kesempurnaan, maka adalah tidak diterima akal bahawa *Khāliq* iaitu yang mencipta makhluk tidak berilmu. Pendalilan ini akan hadir dalam dua bentuk:

- i. Sebagaimana diketahui umum bahawa Allah selaku pencipta adalah lebih sempurna berbanding

turut berkata mengenai hadith ini bahawa Allah mengetahui mereka ini tidak melakukan apa-apa atau mengetahui keadaan berlakunya apa yang seandainya ia berlaku. Ibn Ḥajar al-`Asqalānī, "Kitāb al-Qadr", *Fath al-Bārī*, 3:311-312. Hadith ini menunjukkan Allah mengetahui sama ada dalam kalangan mereka ada yang akan beriman atau tidak apabila mereka sudah sampai kepada tahap dewasa dengan maksud Allah mengetahui suatu keadaan perkara yang tidak berlaku tetapi kalau ia tetap berlaku.

⁶² Menurut Abū al-Madhfār al-Sam'ānī, satu-satunya jalan untuk mengetahui takdir adalah daripada al-Qur'an dan al-Sunnah bukannya melalui jalan *qiyyās* dan akal semata. Lihat Ibn Ḥajar al-`Asqalānī, "Kitāb al-Qadr", *Fath al-Bārī*, 11:582. Walaupun begitu, terdapat beberapa karya yang turut menyebut dalil selain daripada dua sumber utama dalam Islam. Kedudukannya hanyalah sekadar sokongan setelah pengisian terhadap dalil daripada al-Qur'an dan al-Sunnah.

⁶³ Al-Marighnī, *Tāli' al-Bushrā*, 121. Lihat juga Rushdi Ramli, *Aqidah Ahli sunnah wal Jama'ah Prinsip Utama Berdasarkan Risalah 'Itiqad Ahli sunnah wal Jama'ah Karya Imam Abu Ja'afar Ahmad bin Muhammad al-Tahawi* (Kuala Lumpur: al-Baian, 2004), 22.

makhluk. Pencipta dan makhluk itu apabila dinilai mengenai ilmu akan memberi dua nilai sama ada berilmu atau tidak. Keupayaan mempunyai ilmu itu adalah lebih sempurna berbanding ketiadaan ilmu. Jika Allah selaku pencipta sendiri tidak mempunyai ilmu maka ia memberi kefahaman bahawa makhluk adalah lebih sempurna dan perkara ini adalah mustahil.

- ii. Setiap ilmu yang wujud di sisi makhluk adalah daripada Allah. Pada asalnya, makhluk tidak mempunyai ilmu dan ia merupakan satu bentuk kekurangan kemudian baru didatangkan ilmu kepada makhluk. Makhluk yang mempunyai ilmu dinilai lebih sempurna daripada makhluk lain yang tidak mempunyai ilmu. Setiap yang dinilai di sisi makhluk adalah sempurna, maka kesempurnaan itu adalah lebih utama disandarkan kepada Allah.⁶⁴

Al-Martabah al-Thāniyah: al-Kitābah

Rukun kedua daripada empat rukun takdir ialah *al-Kitābah* iaitu beriman bahawa Allah telah mencatat apa yang berada dalam pengetahuan-Nya berkenaan ketetapan-ketetapan sekalian makhluknya sejak awal sehingga hari kiamat di *Lūh Maḥfūz*.⁶⁵ Para sahabat, tabi`in serta keseluruhan ulama Ahl al-Sunnah bersepakat bahawa segala yang berlaku hingga hari kiamat telah ditulis di dalam *Lūh Maḥfūz*.⁶⁶ Firman Allah:

⁶⁴ 'Umar Sulaymān al-Ashqar, *al-Qaḍā' wa al-Qadar*, 29-30.

⁶⁵ *Ibid.*, 30. Nama lain bagi *Lūh Maḥfūz* ialah *Umm al-Kitāb*, *al-Dhikr*, *al-Imām al-Mubīn* dan *al-Kitāb al-Mubīn*. Kesemuanya mempunya maksud yang sama. Lihat, Muḥammad Ibn Ibrāhīm al-Ḥamd, *al-Imān bi al-Qaḍā' wa al-Qadar*, 69. Al-Bayjūri mendefinisikan *Lūh Maḥfūz* sebagai jisim yang bersifat nurani yang ditulis padanya oleh *Qalam* dengan izin Allah apa yang berlaku dan akan berlaku sehingga hari kiamat. Lihat al-Bayjūri, *Tuhfah al-Murīd* 296.

⁶⁶ Ibn Qayyim, *Shifā' al-'Alīl*, 39.

أَمْ تَعْلَمُ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ إِنَّ ذَلِكَ فِي كِتَابٍ
إِنَّ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ

Terjemahan: Bukankah engkau telah mengetahui bahwasanya Allah mengetahui segala yang ada di langit dan di bumi? Sesungguhnya yang demikian itu ada tertulis di dalam Kitab (*Lūh Maḥfūz*), sesungguhnya hal itu amatlah mudah bagi Allah.

Al-Hajj 22:70

Berdasarkan ayat ini, dapat difahami bahawa apa yang ditulis adalah di dalam takluk pengetahuan Allah mendahului penulisan yang bertepatan dengan pengetahuan-Nya. Kemudian baru diwujudkan apa yang ditulis.⁶⁷ Ibnu Kathīr menyatakan di dalam tafsirnya, perkataan *kitāb* di dalam ayat ini bermaksud *Lūh Maḥfūz* yang difahami melalui sabda nabi:⁶⁸

كَتَبَ اللَّهُ مَقَادِيرُ الْخَلَائِقِ، قَبْلَ أَنْ يَخْلُقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ،
بِخَمْسِينَ أَلْفَ سَنَةٍ، قَالَ: وَعَزَّ شَهَدَةُ الْمَاءِ

Terjemahan: Allah telah menulis takdir-takdir segala makhluk sebelum Allah mencipta langit dan bumi selama lima puluh ribu tahun. Baginda bersabda lagi bahwasanya 'Arasy Allah berada di atas air.⁶⁹

Hadith ini merujuk kepada penetapan waktu penulisan bukannya takdir asal yang azali.⁷⁰ Muhy al-Dīn al-Nawāwī

⁶⁷ *Ibid.*

⁶⁸ Ismā'īl Ibn Umar Ibn Kathīr, *Tafsīr Ibn Kathīr* (Riyadh: Dār al-Salām, 2004), 3:1920.

⁶⁹ Hadis riwayat Muslim, *Kitāb al-Qadr*, Bāb Ḥujaj Ādām wa Mūsā, no. Hadith 2653. Lihat Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim, "Ṣaḥīḥ Muslim," dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Shārif al-Kutub al-Sittah*, 1140.

⁷⁰ Muhammad Ḥasan, *al-Imān bi al-Qaḍā' wa al-Qadar*, 66.

mensyarahkan hadith ini melalui nukilan para ulama lain berkenaan maksud penentuan waktu penulisan pada *Lūh Maḥfūz*. Menurut beliau ini merupakan suatu peringkat penulisan Allah berkenaan takdir yang telah Dia ketahui sebelum itu lagi.⁷¹ Dalam metodologi al-Ashā'irah, peringkat kedua ini tidak dibincangkan seperti tiga peringkat yang lain iaitu di bawah topik *al-Ilahiyyāt*. Ia berada pada bahagian *al-Sam'iyyāt* iaitu bahagian ketiga daripada tiga cabang asas dalam ilmu Akidah.

Al-Martabah al-Thālithah: Al-Mashi'ah

Rukun ketiga daripada empat rukun takdir ialah *al-Mashi'ah* iaitu beriman bahawa segala yang berlaku adalah di bawah takluk kehendak dan pilihan Allah. Kehendak Allah adalah didasari oleh sifat *Irādah* yang ada lagi ‘sungguh’ pada zat Allah. Sifat *Irādah* didefinisikan sebagai sifat *qadīm* yang berdiri pada zat sebagai *pentakhsīṣ mumkin* dengan sebahagian apa yang harus padanya.⁷² Kelakuan *ta'alluq* sifat *Irādah* adalah *takhṣīṣ*

⁷¹ Abū Zakariyyā Yahyā bin Syaraf al-Nawāwī, *Kitāb al-Qadr*, Bāb Ḥujaj Ādām wa Mūsā, *al-Minhāj Sharah Ṣaḥīḥ Muslim*, no. 2653, 16:310.

⁷² Al-Bayjūrī, *Tuhfah al-Murid*, 126. Menurut Sa'īd Fūdah, sifat *Irādah* adalah sifat zat, bukan sifat *fi'il* (perbuatan). Lihat Sa'īd 'Abd al-Latīf Fūdah, *Buhūth fī 'Ilm al-Kalām* (Jordan: Dār al-Rāzī, 2004), 113. Berkenaan istilah *mashi'ah* dan *irādah*, Ibnu Taymiyyah dan para pengikutnya serta sebahagian pengikut Syiah membezakan antara keduanya. *Irādah* lebih umum berbanding *mashi'ah*. *Irādah* dibahagikan kepada dua iaitu *irādah kawniyyah* dan *irādah shar'iyyah*. *irādah kawniyyah* merujuk kepada *mashi'ah*, manakala *irādah shar'iyyah* merujuk kepada *maḥabbah*. Lihat Sa'īd 'Abd al-Latīf Foūdah, *Buhūth fī 'Ilmi al-Kalām* 118-119. Perkara ini berbeza dalam tradisi al-Ashā'irah, *irādah* dan *mashi'ah* merujuk kepada perkara yang sama, keduanya tidak dibezakan. Al-Taftazānī dalam *Sharh al-'Aqā'id al-Nasafiyyah* menyatakan bahawa *irādah* dan *mashi'ah* merupakan ibarat kepada satu sifat yang berdiri pada zat yang Maha Hidup yang dengannya mentakhsis sesuatu pada sesuatu waktu. Kenyataan ini memberi kefahaman bahawa *irādah* dan *mashi'ah* merupakan satu perkara yang sama. Lihat Sa'd al-Dīn Mas'ūd bin

iaitu Allah menentu dan mengkhususkan segala perkara *mungkin* dengan berkeadaan salah satu daripada dua keadaan yang bertentangan.⁷³ Contohnya, manusia pada asal mulanya adalah tiada, kemudian Allah yang mengeluarkannya daripada tiada kepada ada dengan menciptakannya. Dari itu, Allah telah memilih serta menghendaki satu dari dua keadaan, iaitu menciptakan manusia daripada tetap menjadikannya tetap tiada.

Oleh kerana itu, bahagian *ta'alluq* sifat *Irādah* dapat dibahagikan kepada dua, *ta'alluq sulūhi qādīm* iaitu kelayakan *Irādah* Allah menentukan perkara *mungkin* supaya berkeadaan tertentu sejak azali dan *ta'alluq tanjīzī qādīm* iaitu keqadiman proses pengkhususan oleh Allah secara langsung terhadap *mungkin* sejak azali sebelum *mungkin* itu diciptakan lagi.⁷⁴ Kehendak Allah tidak berubah kerana perubahan kehendak menunjukkan kepada baharu dan ini adalah perkara mustahil bagi-Nya.⁷⁵

Menurut Ibrāhīm al-Bayjūrī, kehendak Allah tidak semestinya seiring dengan perintah dan reda-Nya. Hubungan kehendak, perintah dan reda Allah dapat dibahagikan kepada empat kategori. Pertamanya, perkara yang dikehendaki, disuruh dan direndai Allah seperti berimannya Abu Bakar. Kedua, perkara yang tidak

⁷³ Umar al-Taftāzānī, *Sharḥ al-'Aqā'id al-Nasafiyah, Jam' al-Farā'id bi Inārah Sharḥ al-'Aqā'id* (Karachi: Maktabah al-Madīnah, 2012), 188.

⁷⁴ Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī, *'Aqīdah Ahl al-Tawḥīd Sharḥ al-'Aqīdah al-Kubrā* (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 2006), 126. Lihat juga al-Bayjūrī, *Tuhfah al-Murīd*, 126; al-Būtī, *Kubrā al-Yaqīniyyāt*, 120.

⁷⁵ Al-Bayjūrī, *Tuhfah al-Murīd*, 123; al-Būtī, *Kubrā al-Yaqīniyyāt*, 121. Perkara-perkara *mungkin* yang dita'alluqi oleh sifat *Irādah* dapat disimpulkan sebagai *al-mumkināt al-mutaqābilāt*. Lihat, Muhammad al-Fudali, *Kifāyah al-'Awām, Pembahasan Ajaran Tauhid Ahlus Sunnah* (Selangor: Pustaka Ilmi, 2000), 124.

⁷⁶ Abū 'Abd Allāh al-Harārī, *'Umdah al-Gharīb fī Mukhtaṣar Bughayah al-Tālib* (Beirut: Dār al-Mashārī', 2009), 33.

dikehendaki, tidak diperintah dan tidak direndai Allah seperti kafirnya Abu Bakar. Ketiga. perkara yang dikehendaki, tidak diperintah dan tidak direndai Allah seperti kafirnya Firaun dan Qarun. Keempat, perkara yang diperintah oleh Allah tetapi tidak dikehendaki-Nya seperti berimannya Firaun dan Qarun.⁷⁶

Boleh dikatakan hubungan kehendak, perintah dan reda Allah ini diperbahaskan supaya dapat membendung dakwaan yang menyatakan bahawa Allah hanya berkehendak pada perkara yang direndai dan dicintai-Nya sahaja, tidak pada perkara yang dosa dan mungkar. Perbahasan ini memperlihatkan bahawa segalanya sama ada baik atau buruk, pahala atau dosa adalah tetap di bawah *ta'alluq Irādah*-Nya.⁷⁷

⁷⁶ Al-Bayjūrī, *Tuhfah al-Murīd*, 124. Contoh yang dikemukakan oleh al-Bayjūrī hanya menyebut keimanan dan kekuatan. Penulis menambah perkaitan keduanya dengan Abu Bakar dan Firaun bertujuan memudahkan lagi kefahaman.

⁷⁷ Pada pandangan penulis, untuk tujuan yang sama, Ibn Qayyim menuliskan dua klasifikasi *Irādah* iaitu:

- i. *Irādah Kawniyyah* (*Sunnatullāh*): iaitu kehendak Allah berkenaan segala hal kejadian alam ini yang pasti berlaku apabila Allah menghendaki walaupun tanpa reda dan *mahabbah* Allah. Sehubungan itu, iman, kufur, taat dan maksiat adalah di bawah *irādah* dan *mashi'ah* Allah. *Irādah* ini terkadang adalah untuk pihak lain seperti penciptaan Iblis dan segala kejahatan agar mendapat perkara mahabbah seperti taubat, mujahadah dan istighfar.
- ii. *Irādah Shar'iyyah Diniyyah*: iaitu kehendak Allah yang berkaitan dengan urusan syariat yang terkandung mahabbah dan reda Allah walaupun ia tidak semestinya berlaku kepada semua makhluk seperti keimanan seseorang. Keimanan tersebut bukanlah wajib berlaku namun ia adalah perkara yang harus sama ada berlaku atau tidak berlaku. Sekiranya ia berlaku, pasti seluruh manusia beriman. *Irādah Shar'iyyah Diniyyah* adalah lebih khusus berbanding *Irādah Kawniyyah*. Apabila *Irādah Shar'iyyah* terlaksana dengan secara langsung adalah merupakan juga *Irādah Kawniyyah*. Kedua-dua jenis *Irādah* ini boleh wujud dalam diri orang yang taat. Contohnya, orang tersebut melakukan solat yang merupakan perkara yang dicintai, diperintah dan direndai oleh Allah. Jadi, ini

Apa sahaja yang Allah kehendaki berlaku, ia pasti akan berlaku dan apa sahaja yang Allah tidak kehendaki, ia pasti tidak akan berlaku.⁷⁸ Sesuatu itu tidak akan bergerak atau diam sama ada di langit dan di bumi melainkan dengan kehendak-Nya. Dengan rahmat dan hikmah, Allah berkehendak memberi hidayah atau memberi kesesatan kepada sesiapa yang Dia kehendaki. Setiap apa yang dikendaki-Nya sentiasa bertepatan dengan ilmu-Nya yang terdahulu dan yang tertulis di *Lūh Mahfūz*.⁷⁹

Pokoknya, *Irādah* Allah adalah bersifat mutlak tanpa wujud sesuatu yang lebih tinggi daripadanya.⁸⁰ Rukun ketiga ini disepakati oleh keseluruhan para Rasul, semua kitab yang diturunkan oleh-Nya dan fitrah yang Allah wujudkan pada makhluk-Nya disertai dalil-dalil akliyah.⁸¹ Firman Allah:

وَرَبُّكَ يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ وَيَعْلَمُ

Terjemahan: Dan Tuhanmu menciptakan apa yang dirancangkan berlakunya, dan Dialah juga yang memilih (satu-satu dari makhluk-Nya untuk sesuatu tugas atau keutamaan dan kemuliaan).

Al-Qasas 28:68

Ayat di atas menjadi dalil keumuman penciptaan Allah terhadap segala makhluk dan kehendak-Nya sentiasa berlalu berterusan. Dialah yang menentukan seseorang,

alah *Irādah Shar'iyyah* dan juga *Irādah Kawniyah* apabila solat itu dilaksanakan kerana merupakan kehendak Allah. Lihat: Ibn Qayyim, *Shifā' al-'Alīl*, 32. Lihat juga Muḥammad Ibn Ibrāhim al-Ḥamḍ, *al-Imān bi al-Qadā' wa al-Qadar*, 82-84. Walau bagaimanapun, klasifikasi ini dikritik oleh Sa'īd Fūdah dalam karyanya, *Buhūth fī 'Ilm al-Kalām*, 118-119.

⁷⁸ Al-Ḥarārī, *'Umdah al-Gharīb*, 33.

⁷⁹ Al-Ūthaymīn, *Sharah Lum'aḥ al-'Itiqād*, 92.

⁸⁰ Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būtī, *Hurriyyah al-Insān fi Zill 'Ubudiyatihī lillāh* (Beirūt: Dār al-Fikr, 1992), 48-49.

⁸¹ Ibn Qayyim, *Shifā' al-'Alīl*, 43.

sesuatu perkara, sesuatu masa dan sesuatu tempat yang tidak dapat terlepas daripada *Irādah* -Nya.⁸² Berdasarkan ayat ini juga, al-Shafī'i seperti yang direkodkan oleh Abū al-Yazīd menyatakan bahawa Allah telah memberitahu kepada makhluk-Nya bahawa kehendak merupakan kewenangan-Nya, dan ianya itulah merupakan penetapan takdir.⁸³

Al-Martabah al-Rābi‘ah: Al-Khalq

Pada perbahasan rukun *al-Khalq* ini terdapat banyak pandangan yang berbeza daripada pecahan firqah yang pelbagai seperti al-Mu‘tazilah, al-Qadariyyah dan al-Jabariyyah.⁸⁴ Bagi Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sendiri, *al-Khalq* ialah beriman bahawa setiap makhluk merupakan ciptaan Allah dengan sifat *Qudrah* dan *Af‘al*-Nya yang bebas.⁸⁵ Penciptaan ini dengan maksud penguasaan Allah mengeluarkan makhluk daripada tiada kepada ada iaitu wujud setelah sebelumnya didahului dengan tidak wujud.⁸⁶ Allah bukan sahaja mencipta ‘ayn makhluk, malah setiap perbuatan makhluk yang pada pandangan zahirnya

⁸² Muḥammad Ibn Ibrāhīm al-Ḥamd, *al-Imān bi al-Qaḍā’ wa al-Qadar*, 72.

⁸³ Abū al-Yazīd Abū Zayd al-‘Ajamī, *al-‘Aqīdah al-Islāmiyyah ‘ind al-Fuqahā’ al-Arba‘ah* (Kaherah: Dār al-Salām, 2007), 288.

⁸⁴ Muḥammad Ḥasan, *al-Imān bi al-Qaḍā’ wa al-Qadar*, 89.

⁸⁵ Sifat *Qudrah* ialah satu sifat yang qadim yang thabit berdiri pada zat Allah yang mengadakan tiap-tiap yang *mumkin* dan meniadakannya selari dengan *Irādah* -Nya. Lihat Zainal Abidin Bin Muḥammad al-Faṭāñī, *‘Aqīdah al-Nājīn fī ‘Ilm Uṣūl al-Dīn* (Pulau Pinang: Percetakan al-Ma‘arif Sdn. Bhd. t.t), 24-25. Lihat juga Ahmad Bin Muḥammad Zain Bin Muṣṭafā al-Faṭāñī, *Farīdah al-Farā’id fī ‘Ilm al-‘Aqā’id* (Thailand: Maṭba‘ah Bin Halabī, t.t), 7-8.

⁸⁶ Al-Ḥarārī, ‘Umdah al-Gharīb, 31-32; Muḥammad Ibn Ibrāhīm al-Ḥamd, *al-Imān bi al-Qaḍā’ wa al-Qadar*, 74. Hal ini adalah berbeza dengan manusia yang mempunya usaha dan ikhtiar tetapi tidak boleh memberi bekas pada mengadakan atau meniadakan, hanya usaha dan ikhtiar pada jalan menjayakan sesuatu sahaja. Lihat Zainal Abidin al-Faṭāñī, *‘Aqīdah al-Nājīn*, 19.

merupakan ciptaan makhluk itu sendiri juga merupakan ciptaan Allah.⁸⁷

Proses penciptaan Allah adalah dengan sifat *Qudrah* iaitu suatu sifat azali yang wujud pada zat Allah yang dengannya Allah memberi *ta'thir* mewujud dan meniadakan *mumkin* bertepatan dengan *Irādah*-Nya yang bebas.⁸⁸ Menurut al-Asfahānī, hasil penciptaan Allah dalam mewujudkan sesuatu pada sesuatu masa adalah bertepatan dengan *Irādah* dan *'Ilm*-Nya.⁸⁹ Bahagian *ta'alluq Qudrah* boleh dibahagi kepada dua, pertamanya *ta'alluq sulūhi qadīm* iaitu keqadiman kelayakan *Qudrah* Allah kepada *mumkin* dan keduanya ialah *ta'alluq tanjizi hadīth* iaitu hubungan *Qudrah* Allah secara langsung dengan *mumkin* ketika berlakunya perubahan pada *mumkin* tersebut.⁹⁰ Sebahagian yang lain menambah *ta'alluq qabdah* iaitu segalanya berada di dalam 'genggaman' Allah.⁹¹

Terkait *Martabah al-Rābi'ah* ini juga ialah perbahasan *Af'āl* Allah yang diidentifikasi sebagai perkara yang harus bagi Allah. Al-Sanūsī menegaskan setiap perbuatan Allah

⁸⁷ Al-Harari, 'Umdah al-Gharīb, 32. Lihat juga Muḥammad Ḥassan, *al-Imān bi al-Qaḍā' wa al-Qadar*, 90. Al-Sanūsī menyatakan penciptaan perbuatan makhluk merupakan penafsiran kepada makna *al-kasb*. Lihat al-Sanūsī, 'Aqīdah Ahl al-Tawhīd, 142-143.

⁸⁸ Seperti yang telah dinyatakan bahawa *ta'alluq* sifat *Irādah* dan *Qudrah* Allah hanya kepada perkara *mumkin* sahaja, tidak kepada perkara wajib dan mustahil. Hal ini adalah kerana jika lau kedua-dua sifat tersebut berta'alluq kepada perkara wajib, maka akan terjadi *tahṣīl al-hāṣil* iaitu mewujudkan perkara yang sedia ada dan ini adalah sia-sia. Manakala jika lau keduanya berta'alluq kepada perkara mustahil, maka perkara mustahil tersebut akan menjadi harus.

⁸⁹ Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, "Kitab al-Qadr", *Fath al-*, 11:582. Sa'i'd Fūdah menyatakan bahawa adalah mustahil *Qudrah* tanpa *Irādah*, mustahil juga *Irādah* tanpa *'Ilmu*. Ketiga-tiganya sentiasa berlaziman. Lihat Sa'i'd Fūdah, *Buhūth fī 'Ilm al-Kalām*, 113.

⁹⁰ Al-Bayjūrī, *Tuhfah al-Murīd*, 121.

⁹¹ Abdul Ghani Yahya dan Umar Yusof, *Risālah al-Tauhid* (Johor Baharu: tp, 1956).

ternafi empat perkara iaitu *dhuhul* (lalai), *ghaflah* (lupa),⁹² *ta'lil* (kebersebaban)⁹³ dan *ṭabi'i ah* (tabii)⁹⁴ yang beliau konklusikan sebagai *karāhah* (keterpaksaan) iaitu dengan tanpa *Irādah*-Nya. Ketegasan tersebut dibuktikan melalui bantahan dan sanggahan para ulama terhadap dakwaan perbuatan Allah melalui jalan *ta'lil* dan *ṭabi'i ah*.⁹⁵ Ringkasnya, perbuatan Allah adalah bersifat mutlak tanpa wujud sesuatu pun yang mewajibkan-Nya.

Kesimpulan

Perbezaan metodologi antara al-Ashā'irah dan al-Salafiyyah dalam membentangkan akidah *al-Qadā'* dan *al-Qadar* dapat dilihat pada posisinya dalam susunan pengajian Akidah dan kaedah pendalilan pengisbatan. Dalam tradisi al-Ashā'irah, selain mempunyai bab khusus, ia banyak dibincangkan dalam sifat-sifat Allah dan *Af'āl*-Nya yang menunjukkan bahawa ia dibahaskan dalam topik rukun iman pertama iaitu kepercayaan kepada Allah.

Manakala menurut aliran al-Salafiyyah, komponen-komponen penting dalam *al-Qadā'* dan *al-Qadar* diperbahaskan di bawah sub-topik *al-Marātib* atau *al-Arkān*. Ini merujuk kepada perbahasannya yang langsung dalam topik rukun iman keenam iaitu kepercayaan kepada

⁹² *Dhuhul* (lalai) ialah kehilangan sesuatu selepas berilmu dengannya. *Ghaflah* (lupa) pula lebih umum iaitu kehilangan sesuatu sama ada selepas berilmu atau tidak dengannya, kedua-duanya ternafi bagi *Irādah* Allah. Lihat, al-Marighnī, *Tāli' al-Bushrā*, 103.

⁹³ *Ta'lil* ialah menjadikan sebahagian alam ini dengan asbab sebahagian makhluknya yang lain. Misalnya apabila digerakkan jari, ia menjadi sebab cincin yang berada di jari itu turut bergerak. Lihat, al-Marighnī, *Tāli' al-Bushrā*, 103.

⁹⁴ *Tabi'i ah* ialah menjadikan sebahagian alam ini dengan asbab tabiat sebahagian makhluknya. Misalnya tabiat api itu membakar. Kebakaran bukanlah daripada api secara hakikat, ia hanyalah adat kebiasaan sahaja. Api dan membakar keduanya adalah dengan kehendak dan ciptaan Allah. Lihat, al-Marighnī, *Tāli' al-Busyrā*, 103.

⁹⁵ Al-Marighnī, *Tāli' al-Bushrā*, 102-104. Lihat juga al-Sanūsī, 'Aqīdah *Ahl al-Tawḥīd*, 125-132.

al-Qadā' dan *al-Qadar*. Dalam usaha mengemukakan pendalilan pengisbatan, penghuraian al-Salafiyyah lebih tertumpu kepada pembentangan pendalilan nas tanpa penekanan aspek tafsiran dan huraian secara terperinci dan mendalam. Bagi al-Ashā'irah pula, perbahasannya lebih sarat dengan burhan-burhan akliah sebagai rumusan jawapan kepada syubhab pemikiran.

Dalam konteks masa kini, pendekatan aliran al-Ashā'irah yang berasaskan burhan akal dalam diskusi mengenai takdir lebih bersesuaian dan relevan khususnya dalam mengharungi dan mendepani kedangkalan dan kebobrokan pelbagai aliran pemikiran moden.

Rujukan

- Abdul Ghani Yahya dan Umar Yusof. *Risalah al-Tauhid*. Johor Baharu: tp, 1956.
- Abdul Hadi Awang. *Beriman Kepada Qadā' dan Qadar*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 2001.
- Al-'Ajami, Abū al-Yazīd Abū Zayd. *Al-'Aqīdah al-Islāmiyyah `ind al-Fuqahā' al-'Arba'ah*. Kaherah: Dār al-Salām, 2007.
- Al-Asfahānī, Abū al-Qāsim al-Husayn bin Muḥammad. *Al-Mufradāt fī Gharīb al-Qur'ān*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, 2002.
- Al-'Asqalani, Ibn Ḥajar. *Fath al-Bārī fī Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī*. Riyadh: Dār al-Salām, 2000.
- Al-Ash'arī, Abū al-Ḥassan 'Alī bin Ismā'īl. *Kitāb al-Luma' fī al-Radd 'alā Ahl al-Ziyagh wa al-Bida'*. Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, t.t.
- Al-Ashqar, 'Umar Sulaymān. *Al-Qadā' wa al-Qadar*. Jordan: Dār al-Nafā'is, 2007.
- Al-Bayjūrī, Burhān al-Dīn Ibrāhīm. *Tuhfah al-Murīd Hāsyiah al-Bayjūrī 'alā Jawharah al-Tawhīd*. Kaherah: Dār al-Salām, 2015.
- Al-Bukhārī, Abū 'Abd Allah Muḥammad bin Ismā'īl. "Ṣahīḥ al-Bukhārī." Dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-*

- Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin `Abd al-`Azīz Al al-Shaykh. Riyad: Dār al-Salām, 2000.
- Al-Būtī, Muḥammad Sa`īd Ramadān. *Hurriyyah al-Insān fī Zill `Ubudiyatih lillāh*. Beirūt: Dār al-Fikr, 1992.
- Al-Būtī, Muḥammad Sa`īd Ramadān. *Kubrā al-Yaqīniyyāt al-Kawniyah Wujūd al-Khāliq wa Waṣīfah al-Makhlūq*. Beirut: Dār al-Fikr, 1997.
- Al-Faṭānī, Aḥmad bin Muḥammad Zain bin Muṣṭafā. *Farīdah al-Farā'id fī 'Ilm al-'Aqā'id*. Thailand: Maṭba‘ah Bin Halabī, t.t.
- Al-Faṭānī, Wan Ismā'īl bin Wan `Abd al-Qadīr. *Tabṣīrah al-Adāni bi Alḥan Bākūrah al-Amānī*. Faṭānī: Maṭba‘ah Faṭānī Press, 1382H.
- Al-Faṭānī, Zainal Abidin bin Muḥammad. *'Aqīdah al-Nājīn fī 'Ilm Uṣūl al-Dīn*. Pulau Pinang: Percetakan al-Ma‘arif Sdn. Bhd, t.t.
- Fūdah, Sa`īd ‘Abd al-Laṭīf. *Buhūth fī 'Ilmi al-Kalām*. Jordan: Dār al-Rāzī, 2004.
- Al-Harārī, ‘Abd Allah. *Umdah al-Gharīb fī Mukhtaṣar Bughayah al-Tālib*. Beirut: Dār al-Mashāri‘, 2009.
- Ibn al-Athīr, Majd al-Dīn Abī al-Sa‘ādāt al-Mubārak ibn Muḥammad al-Jazārī. *Nihāyah fī Gharīb al-Hadīth wa al-Athar*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 2006.
- Ibn Fāris, Abū Husayn Aḥmad. *Mu'jam Maqāyis al-Lughah*, taḥqīq, ‘Abd al-Salām Hārūn. Kaherah: Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, 1972.
- Ibn Kathīr, Ismā'īl bin `Umar. *Tafsīr Ibn Kathīr*. Riyad: Dār al-Salām, 2004.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. *Shifā' al-'Alīl fī Masā'il al-Qadā' wa al-Qadar wa al-Ḥikmah wa al-Ta'līl*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1978.
- Al-Jurjānī, ‘Alī bin Muḥammad. *Kitāb al-Ta'rīfāt*. Singapura: al-Haramayn, 1980.
- Al-Khaṭṭabī, Abū Sulayman Hamad bin Muḥammad. *Ma'ālim al-Sunan Sharḥ Sunan Abī Dāwūd*. Kaherah: Maṭba‘ah al-Sunnah al-Muḥammadiyyah, 1950.

- Al-Marighnī, Ibrāhīm bin Aḥmad. *Tāli' al-Bushrā 'alā al-'Aqīdah al-Šughrā*. Kuwait: Dār al-Ḍiyā', 2012.
- Al-Maydānī, 'Abd al-Rahmān Ḥasan Ḥabannakah. *Al-'Aqīdah al-Islāmiyyah wa Uṣūlūhā*. Beirut: Dār al-Qalam, 1979.
- Muhammad al-Fudali. *Kifāyah al-'Awām, Pembahasan Ajaran Tauhid Ahlus Sunnah*. Selangor: Pustaka Ilmi, 2000.
- Muhammad al-Mubarak. *Aqidah Islam di dalam al-Quran*, terj. Mudaser bin Rosder. Kuala Lumpur: Pustaka Fajar, 1988.
- Muhammad Ḥassan. *Al-Īmān bi al-Qadā' wa al-Qadar*. Mesir: Maktabah Fayyad, 2007.
- Muhammad ibn Ibrāhīm al-Ḥamd. *Al-Īmān bi al-Qadā' wa al-Qadar*. Riyadh: Dār Ibn Khuzaymah, 2007.
- Muslim, Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim. "Ṣahīḥ Muslim." Dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣalīḥ bin 'Abd al-‘Azīz Al al-Shaykh. Riyadh: Dār al-Salām, 2000.
- Muṣṭafā Sa'īd al-Khin dan Muhyī al-Dīn Dib Mastū. *Al-'Aqīdah al-Islāmiyyah: Arkānuhā – Haqā'iquhā – Mufsidātuhā*. Damsyiq: Dār al-Kalim al-Ṭayyib, 1999.
- Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Muhy al-Dīn bin Sharaf. *Sharḥ al-Nawawī 'alā Ṣahīḥ Muslim*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-‘Arabi, 1392h.
- Al-Qaraḍāwī, Yūsuf. *Al-Īmān bi al-Qadar*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 2000.
- Rushdi Ramli. *Aqidah Ahli sunnah wal Jama'ah Prinsip Utama Berdasarkan Risalah 'Itiqad Ahli sunnah wal Jama'ah Karya Imam Abu Ja'afar Ahmad bin Muhammad al-Tahawi*. Kuala Lumpur: al-Bayan, 2004.
- Al-Safārīnī, Muḥammad bin Aḥmad. *Lawāmi' al-Anwār al-Bahiyah*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1984.
- Ṣalīḥ Maḥmūd, 'Abd al-Rahmān. *Al-Qadā' wa al-Qadar fi Ḏaw'i al-Kitāb wa al-Sunnah*. Kuwait: Dār al-Waṭān, 1997.

- Al-Sanūsī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Yūsuf. *'Aqīdah Ahl al-Tawḥīd Sharḥ al-'Aqīdah al-Kubrā*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2006.
- Al-Sha'rānī, 'Abd al-Wahhab bin Aḥmad. *'Aqīdah al-Imām al-Sha'rānī min Khilāl Ba'di Mu'allafātiḥ*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2010.
- Al-Taftāzānī, Sa'ad al-Dīn Maṣ'ūd bin 'Umar. *Sharḥ al-'Aqā'id al-Nasafiyah, Jam' al-Farā'id bi Inārah Sharḥ al-'Aqā'id*. Karachi: Maktabah al-Madīnah, 2012.
- Al-'Uthaymīn, Muḥammad bin Ṣāliḥ. *Rasā'il fī al-'Aqīdah*. Riyadh: Dār Ṭāyibah, 1985.
- Al-'Uthaymīn, Muḥammad bin Ṣāliḥ. *Sharḥ Lum'ah al-I'tiqād al-Hādī ilā Sabīl al-Rashād li Ibn Qudāmah al-Maqdīsī*. Riyadh: Maktabah Dār Ṭabarīyyah, 1995.
- Zaydān, 'Abd al-Karīm. *Al-Īmān bi al-Qaḍā' wa al-Qadar wa Athāruh fī Sulūk al-Insān*, terj; Sidang Penterjemah Pustaka Salam, *Qada' & Qadar Kesannya Terhadap Perilaku Manusia*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 2003.

Muhammad Hazim & Syed Mohammad Hilmi, “Metodologi al-Ashā’irah dan al-Salafiyyah dalam Membentangkan Akidah,” *Afkār* Vol. 19 Issue 2 (2017): 1-32